



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
**LEMBAGA PEPERIKSAAN**  
EXAMINATIONS SYNDICATE  
Aras 1,2,5-13, Blok E11, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: +603-8884 6000  
Faks (Fax): +603-8889 5120  
Laman Web (Web): <http://www.lp.moe.gov.my>

Ruj. Tuan :  
Your Ref :

Ruj. Kami : **KPM.100-1/3/1 Jld.7 (15)**  
Our Ref :

Tarikh : **23** Disember 2021  
Date :

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

## **SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 10 TAHUN 2021**

### **PELAKSANAAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF SEKOLAH MENENGAH BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS MULAI TAHUN 2021**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM) bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) Mulai Tahun 2021.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan PASM bagi mentaksir kebolehan dan membangunkan potensi MBK selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu peningkatan akses dan ekuiti pendidikan bagi MBK. KPM juga telah menyediakan dan melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) khusus kepada MBK mulai tahun 2017.

3. Tujuan PASM ialah mengiktiraf kebolehan dan keupayaan MBK dengan penganugerahan Sijil Alternatif Sekolah Menengah (SASM). PASM dilaksanakan sepanjang tempoh calon berada pada peringkat menengah menggunakan *Environment-based Assessment Instrument* dan Dokumen Standard Pentaksiran Alternatif.

4. Mesyuarat Profesional KPM Bilangan 37/2021 bertarikh 2 November 2021 telah meluluskan pelaksanaan PASM bagi MBK pada peringkat sekolah menengah mulai tahun 2021. Seterusnya, Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan Bilangan 1/2021 bertarikh 9 November 2021 mengambil maklum berhubung Instrumen PASM: *Environment-Based Assessment Instrument* dan Dokumen Standard Pentaksiran Alternatif mulai tahun 2021.

## PELAKSANAAN

5. PASM terbuka kepada MBK yang berada di institusi pendidikan yang berdaftar dengan KPM. Walau bagaimanapun, calon PASM **tidak dibenarkan** mendaftar sebagai calon peperiksaan/pentaksiran lain seperti Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM) pada tahun yang sama.

6. Garis Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah bagi Murid Berkeperluan Khas pada Peringkat Sekolah Menengah Mulai Tahun 2021 yang disertakan bersama-sama SPI ini adalah sebagai rujukan dan perlu dipatuhi. SPI dan garis panduan ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM di pautan <https://www.moe.gov.my>.

## TARIKH KUAT KUASA

7. SPI ini **berkuat kuasa serta merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DR. IBRAHIM BIN MOHAMED ZIN)**

Timbalan Pengarah Peperiksaan Kanan  
Menjalankan Tugas Pengarah Peperiksaan  
Lembaga Peperiksaan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Kanan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Lembaga Peperiksaan

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

## PENTAKSIRAN ALTERNATIF SEKOLAH MENENGAH (PASM)



MULAI TAHUN  
2021

Diterbitkan oleh:



Lembaga Peperiksaan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 1,2,5 – 13, Blok E11, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 WP Putrajaya

Tel: 03-8884 3260

Faks: 03-88893344

[www.lp.moe.gov.my](http://www.lp.moe.gov.my)

© Lembaga Peperiksaan 2021

Cetakan Pertama 2021

Hak Cipta Terpelihara. Sebarang artikel, ilustrasi, isi kandungan dari mana-mana bahagian dalam buku ini adalah tidak dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin daripada:

Pengarah Peperiksaan,  
Lembaga Peperiksaan,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pengarah Peperiksaan berhak mengubah mana-mana maklumat yang terkandung dalam buku


**Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran  
Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah  
Mulai Tahun 2021**

dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

ISBN 978-967-0889-52-8



# KATA ALU-ALUAN PENGARAH PEPERIKSAAN



Syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat menerbitkan Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM) mulai tahun 2021. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan buku ini.

Pelaksanaan PASM merupakan satu usaha LP dalam menyahut hasrat KPM merealisasikan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa.

Penerbitan buku ini bertujuan untuk memberi panduan dan rujukan semua pihak yang terlibat dalam menguruskan PASM. Arahan piawai ini diterbitkan bagi memastikan penjaminan kualiti pengurusan dan pengendalian PASM dapat memberikan keadilan kepada calon.

Semoga niat dan usaha murni LP ini dapat memberikan ruang dan peluang ke arah pentaksiran yang berkualiti selaras dengan moto Lembaga Peperiksaan, Adil, Sahih dan Amanah.

Terima kasih.

Pengarah Peperiksaan  
Lembaga Peperiksaan  
Kementerian Pendidikan Malaysia



# ISI KANDUNGAN

	KATA ALU-ALUAN PENGARAH PEPERIKSAAN	ii
	SENARAI RAJAH	iii
	SENARAI LAMPIRAN	iv
	AKRONIM	v
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	DEFINISI	2
<b>2</b>	<b>Dasar PASM</b>	
	DASAR AM PASM	3
	SYARAT PENDAFTARAN CALON	3
	YURAN	4
<b>3</b>	<b>Konsep PASM</b>	
	KONSEP PASM	5
	TEORI PASM	5
	PRINSIP DAN REKA BENTUK PASM	7
	METODOLOGI PASM	7
	INSTRUMEN PASM	8
	SIJIL PASM	9
<b>4</b>	<b>Pengoperasian PASM</b>	
	PERSONEL PASM	11
	APLIKASI MyPASM	26
	PENDAFTARAN	28
	PENGOPERASIAN EBAI	33
	PENJAMINAN KUALITI	35
<b>5</b>	<b>Kes Khas, Kes Salah Laku &amp; Kes Luar Jangkaan</b>	
	KES KHAS	43
	KES SALAH LAKU	
	KES LUAR JANGKAAN	44
<b>6</b>	<b>Lampiran</b>	
	CADANGAN JADUAL PENGOPERASIAN PASM	41
	CADANGAN JADUAL KERJA PBB	42
	CONTOH SURAT LANTIKAN PERSONEL PENTAKSIRAN	43
	CONTOH SURAT PENGESAHAN KEBENARAN	45
	IBU BAPA/PENJAGA	
	CONTOH BORANG PENDAFTARAN CALON	46
	CONTOH BORANG PENDAFTARAN PENTAKSIR	47
	BORANG AKTA RAHSIA RASMI 1972	48



**SENARAI RAJAH**

	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Rajah 3.1</b>	Model ERRA	6
<b>Rajah 3.2</b>	Senarai 5 Domain, 19 Elemen dan 53 <i>Outcome</i>	6
<b>Rajah 3.3</b>	Standard Kebolehan	7
<b>Rajah 3.4</b>	Sijil Digital PASM	9
<b>Rajah 4.1</b>	Carta Alir Pelantikan Pentaksir Sekolah/Calon/Ibu Bapa/Penjaga/Komuniti (PS/C/IBP/Km)	24
<b>Rajah 4.2</b>	Carta Alir Pelantikan Semula KPK/KPN/KPKw/PKw	25
<b>Rajah 4.3</b>	Carta Alir Pendaftaran Pusat PASM	29
<b>Rajah 4.4</b>	Carta Alir Pendaftaran Calon PASM	30
<b>Rajah 4.5</b>	Carta Alir Pendaftaran Pentaksir Lantikan LP/JPN	31
<b>Rajah 4.6</b>	Carta Alir Pendaftaran Pentaksir PASM	32
<b>Rajah 4.7</b>	Carta Alir Pengoperasian EBAI	33
<b>Rajah 4.8</b>	Carta Alir Pentaksiran Menggunakan EBAI	34
<b>Rajah 4.9</b>	Aliran Peranan Jawatankuasa Bimbingan PASM (JB PASM)	36

**SENARAI LAMPIRAN**

	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Lampiran 6.1</b>	Cadangan Jadual Kerja Pengoperasian PASM	42
<b>Lampiran 6.2</b>	Cadangan Jadual Kerja Program Bimbingan Berterusan PASM (PBB)	43
<b>Lampiran 6.3.1</b>	Contoh Surat Lantikan Personel Pentaksir Kebangsaan/Ketua Pentaksir Negeri/Ketua Pentaksir Kawasan	44
<b>Lampiran 6.3.2</b>	Contoh Surat Lantikan Penyelaras Pentaksir/Pentaksir Sekolah/Calon/Rakan/Ibu Bapa/Penjaga/Komuniti	45
<b>Lampiran 6.4</b>	Contoh Surat Pengesahan Kebenaran Ibu Bapa/Penjaga	46
<b>Lampiran 6.5</b>	Contoh Borang Pendaftaran Calon	47
<b>Lampiran 6.6</b>	Contoh Borang Pendaftaran Pentaksir	48
<b>Lampiran 6.7.1</b>	Akta Rahsia Rasmi 1972 (Penjawat Awam)	50
<b>Lampiran 6.7.2</b>	Akta Rahsia Rasmi 1972 (Komuniti)	52

**AKRONIM**

a)	LP	Lembaga Peperiksaan
b)	JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
c)	PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
d)	PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
e)	PASM	Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah
f)	ERRA	<i>Environment-Reaction-Recognition-Acknowledgement</i>
g)	DSPA	Dokumen Standard Pentaksiran Alternatif
h)	EBAI	<i>Environment Based Assessment Instrument</i>
i)	SPP, JPN	Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri
j)	SPK, JPN	Sektor Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri
k)	SPb, JPN	Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri
l)	UPP, PPD	Unit Pentaksiran dan Peperiksaan, Pejabat Pendidikan Daerah
m)	SPb, PPD	Sektor Pembelajaran, Pejabat Pendidikan Daerah
n)	PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
o)	PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
p)	PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
q)	PBB	Program Bimbingan Berterusan
r)	JB PASM	Jawatankuasa Bimbingan PASM
s)	SOP	<i>Standard Operation Procedure</i>



## **PENGENALAN**

Sistem pendidikan yang berkualiti dan prihatin harus menyediakan ruang dan peluang belajar yang sesuai dengan keperluan dan persekitaran semua kumpulan murid. Mempercayai bahawa setiap individu mempunyai kebolehan dan potensi yang berbeza untuk berjaya, KPM komited menerajui satu sistem untuk mengiktiraf kebolehan murid melalui pensijilan tanpa peperiksaan bagi memberi manfaat kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) dan yang kurang berpotensi dari segi akademik. Usaha ini dimulakan pada tahun 2016 apabila LP memperkenalkan Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR).

PASR dilaksanakan khusus untuk melaporkan perkembangan MBK masalah pembelajaran di peringkat sekolah rendah mulai tahun 2016. Walaupun begitu pada 28 April 2021, YB Menteri Kanan Pendidikan telah mengumumkan pemansuhan PASR. Sebagai kesinambungan pelaksanaan PASR, LP dengan kerjasama KNK Total Assessment Sdn. Bhd. dan Yayasan Hasanah telah membangunkan PASM untuk MBK pada tahun 2018.

PASM merupakan pentaksiran yang direka bentuk khusus untuk MBK. MBK di sekolah menengah yang tidak menduduki Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)/Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM)/Sijil Vokasional Malaysia (SVM) boleh menduduki PASM dan memperoleh Sijil Alternatif Sekolah Menengah (SASM). Sesuai dengan kumpulan MBK, PASM mempunyai tujuan istimewa iaitu untuk **mengesan kebolehan (*tapping into abilities*)** murid. Pentaksiran ini mengaplikasi model **ERRA (Environment-Reaction-Recognition-Acknowledgement)** dan membawa ciri-ciri pentaksiran formal yang holistik, bersepadu dan berpusatkan murid. Pembinaan instrumen PASM yang dipanggil **Environment Based Assessment Instrument (EBAI)** adalah berasaskan **standard** yang mengambil kira ciri **keterangkuman, keterbukaan dan keautentikan**. Pentaksiran menggunakan EBAI meraikan kepelbagaian dari segi pentaksir, instrumen dan reaksi yang dapat direkod sebagai evidens (tanda) kepada **kebolehan** MBK. PASM dilaksanakan secara berterusan dan sistematik dengan berbantuan teknologi bermula daripada pendaftaran sehinggalah ke pensijilan MBK.

Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran PASM bertujuan untuk memberi maklumat dari segi pengurusan, pentadbiran, pelaksanaan dan penjaminan kualiti PASM kepada pegawai perkhidmatan pendidikan di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, sekolah dan para pentaksir yang terlibat bagi memastikan PASM dilaksanakan dengan sistematik dan lancar oleh semua pihak. Maklumat dalam dokumen ini mengandungi hal-hal berkaitan pendaftaran, peranan setiap personel, penggunaan aplikasi, perekodan kebolehan dan penjaminan kualiti.

**DEFINISI**

- a) **Murid Berkeperluan Khas (MBK)** ialah murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi atau ketidakupayaan serta masalah yang telah dinyatakan di atas.

*[Rujuk Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013]*

- b) **Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM)** merupakan satu bentuk pentaksiran khusus untuk mentaksir kemampuan dan kebolehan MBK. PASM dilaksanakan untuk pengiktirafan dan pensijilan bagi MBK di peringkat sekolah menengah.
- c) **Environment-Reaction-Recognition-Acknowledgement (ERRA)** ialah model pentaksiran yang digunakan untuk membangunkan PASM.
- d) **Dokumen Standard Pentaksiran Alternatif (DSPA)** ialah dokumen yang mengandungi senarai konstruk dan standard kebolehan yang menunjukkan kebolehan calon dalam proses pentaksiran.
- e) **Environment Based Assessment Instrument (EBAI)** ialah instrumen pentaksiran yang digunakan untuk mentaksir kebolehan calon PASM
- f) **MyPASM** ialah sebuah aplikasi yang dibangunkan khas untuk pengurusan dan pentadbiran PASM
- g) **Standard Kebolehan** ialah indikator yang digunakan untuk menentukan tahap, peringkat dan kualiti kebolehan calon PASM.
- h) **Insanometrik** ialah satu bidang kajian atau bidang ilmu berkaitan pengenalpastian dan pengukuran potensi insan (manusia) dalam pelbagai dimensi.



## DASAR PASM



### 2.1 DASAR AM PASM

PASM dilaksanakan kepada MBK di sekolah menengah yang menawarkan PASM untuk mentaksir kemampuan dan kebolehan MBK sebagaimana berikut;

- 2.1.1 PASM dilaksanakan untuk pengiktirafan dan pensijilan bagi MBK di peringkat sekolah menengah;
- 2.1.2 PASM menggunakan instrumen pentaksiran *Environment Based Assessment Instrument* (EBAI);
- 2.1.3 Setiap EBAI mesti melalui analisis insanometrik sebelum digunakan;
- 2.1.4 Pelaporan boleh dikeluarkan sepanjang persekolahan sehingga MBK mengakhiri pendidikan menengah atau menamatkan PASM.



### 2.2 SYARAT PENDAFTARAN CALON

Pendaftaran calon PASM hendaklah dilakukan mulai tahun pertama persekolahan menengah dan calon tidak mendaftar sebagai calon peperiksaan/pentaksiran lain pada tahun yang sama.

#### 2.2.1 Calon Sekolah

- 2.2.1.1. MBK yang berada di sekolah KPM atau sekolah bantuan kerajaan atau sekolah di bawah Agensi Kerajaan atau sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM;
- 2.2.1.2. Mengikuti Kurikulum Pendidikan Khas yang merangkumi:
  - i. Kurikulum Kebangsaan;
  - ii. Kurikulum Kebangsaan yang diubah suai oleh Ketua Pendaftar;
  - iii. Kurikulum yang dibina khusus oleh Ketua Pendaftar; atau
  - iv. apa-apa Kurikulum latihan kemahiran yang pada pendapat Ketua Pendaftar sesuai dan bermanfaat bagi MBK.
- 2.2.1.3. Mendapat kebenaran ibu bapa/penjaga secara bertulis untuk mendaftar PASM.

### 2.2.2 Calon Persendirian

PASM tidak ditawarkan kepada calon persendirian.



## 2.3 YURAN

Yuran pendaftaran bagi MBK yang menduduki PASM adalah seperti berikut:

- i. Calon PASM dari sekolah KPM atau sekolah bantuan kerajaan atau sekolah di bawah Agensi Kerajaan tidak dikenakan yuran.
- ii. Calon PASM dari sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM perlu membayar yuran pentaksiran mengikut kadar yang ditetapkan.

# 3 KONSEP PASM

## 3.1 KONSEP PASM


### 3.1.1 PUNCA KUASA KONSEP PASM

Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan (MJKK) Bil. 1/2020 bertarikh 21 Februari 2020

- 3.1.1.1 Pentaksiran autentik dan bersepadu (merentas kurikulum)
- 3.1.1.2 Berfokus pada pentaksiran untuk pembelajaran
- 3.1.1.3 Pentaksiran serta perekodan berterusan dan sistematik menggunakan teknologi pintar (MyPASM)

## 3.2 TEORI PASM

PASM menggunakan **Model ERRA**, singkatan kepada ***Environment-Reaction-Recognition-Acknowledgement***. *Environment* ialah persekitaran. Apabila berada dalam suatu persekitaran, sama ada persekitaran biasa atau yang asing, seseorang akan menunjukkan *reaction* atau reaksi. Reaksi adalah evidens (tanda-tanda) yang menggambarkan apa sebenarnya yang ada dalam diri seseorang itu. Evidens inilah yang dijadikan asas untuk membentuk makna tentang kebolehan yang dimiliki. *Recognition* atau pengenalpastian (kebolehan) dilakukan dengan membanding evidens dengan suatu pernyataan standard yang telah disediakan dan dimaklum terlebih dahulu. Hasil daripada *recognition* ini boleh dirakam atau direkod, dan kemudiannya dilaporkan dalam suatu bentuk yang diterima ramai. Apabila kebolehan yang dikenal pasti ini dilapor secara rasmi, inilah yang dimaksudkan sebagai *acknowledgement* atau pengiktirafan. Oleh itu, Model ERRA boleh diperihalkan sebagai satu model yang “mengenal pasti dan mengiktiraf kebolehan melalui reaksi seseorang dalam suatu persekitaran”.



**Rajah 3.1:** Model ERRA




### 3.2.1 DOKUMEN STANDARD PENTAKSIRAN ALTERNATIF (DSPA)

Dokumen Standard Pentaksiran Alternatif (DSPA) mengandungi senarai konstruk dan standard kebolehan. Konstruk diperincikan kepada 5 Domain, 19 Elemen dan 53 *Outcome* yang dapat menggambarkan potensi keseluruhan MBK sepanjang berada dalam sistem persekolahan. Setiap *outcome* yang dihasilkan akan mengandungi 27 indikator tahap keupayaan (standard kebolehan) yang memberi ruang kepada guru melaksanakan pengajaran dan pentaksiran serentak dan berterusan agar MBK mendapat pendidikan dalam pelbagai cara yang sesuai dengan mereka dan pentaksiran yang luwes untuk mempamerkan pengetahuan dan kemahiran sebenar mereka. 27 standard kebolehan merangkumi tahap (ilmu, amal, adab), peringkat (diri, keluarga, masyarakat) dan kualiti (ada, cukup, lebih).

Domain 1 Kerohanian dan Nilai Murni	Domain 2 Akademik Fungsian	Domain 3 Pembangunan Personal & Kemahiran Interpersonal	Domain 4 Hidup Berdikari	Domain 5 Pembangunan Kerjaya
1.1 Kepercayaan	2.1 Membaca	3.1 Pembangunan Sosial	4.1 Penjagaan Diri	5.1 Kesiediaan dan Pengalaman Kerjaya
1.1.1: Kepercayaan kepada Tuhan	2.1.1: Kemahiran Pra Membaca	3.1.1: Kenal Diri	4.1.1: Kebersihan Diri dan Dandanan	5.1.1: Kesiediaan Kerjaya
1.1.2: Taat kepada prinsip agama	2.1.2: Kemahiran Membaca Berfungsi	3.1.2: Perhubungan Yang Sihat	4.1.2: Makan dan Minum	5.1.2: Kesiediaan Kemahiran Kerjaya
1.2 Ibadah	2.2 Menulis	3.1.3: Penghormatan Diri dan Orang Lain	4.1.3: Berpakaian	5.1.3: Kesiediaan Memindahkan Kemahiran Kerjaya
1.2.1: Ibadah Khusus	2.2.1: Kemahiran Pra Menulis	3.2 Komunikasi	4.1.4: Penggunaan Tandas	5.2 Kesedaran dan Eksplorasi Kerjaya
1.2.2: Ibadah Umum	2.2.2: Kemahiran Menulis Berfungsi	3.2.1: Etika Komunikasi	4.2 Penggunaan Wang	5.2.1: Eksplorasi Kerjaya
1.3 Akhlak	2.3 Numerasi	3.2.2: Kemahiran Mendengar	4.2.1: Mendapatkan Wang	5.2.2: Pilihan Kerjaya
1.3.1: Akhlak Kepada Tuhan	2.3.1: Kemahiran Membilang	3.2.3: Kemahiran Berinteraksi	4.2.2: Membelanjakan Wang	5.2.3: Penetapan Kerjaya
1.3.2: Akhlak Kepada Manusia	2.3.2: Kemahiran Menghitung	3.3 Kehidupan Yang Sihat	4.2.3: Menyimpan Wang	5.3 Pengurusan Personal dan Organisasi
1.3.3: Akhlak Kepada Manusia	2.3.3: Kemahiran Mengukur	3.3.1: Pengambilan Makanan Sihat	4.3 Penjagaan Domestik	5.3.1: Pengendalian Personel
1.4 Nilai Murni	2.4 Kemahiran Teknologi	3.3.2: Aktiviti Fizikal dan Kecergasan	4.3.1: Mencuci dan Memasuh	5.3.2: Kemahiran Sosial
1.4.1: Kasih Sayang	2.4.1: Menggunakan Peralatan Teknologi	3.3.3: Bersosial Dalam Kumpulan	4.3.2: Operasi Pengemasan	5.3.3: Pengurusan Masa
1.4.2: Kerjasama	2.4.2: Menggunakan Komputer	3.4 Seni (Visual, Muzik, Gerakan, Drama)	4.4 Penjagaan Keselamatan	5.3.4: Pembangunan Personel
1.4.3: Tanggungjawab	2.4.3: Menggunakan Internet Untuk Berkomunikasi	3.4.1: Melakukan Aktiviti Seni	4.4.1: Keselamatan fizikal	5.3.5: Pembinaan Organisasi
		3.4.2: Menghargai Seni	4.4.2: Keselamatan diri	
			4.4.3: Asas Pertolongan Cemas	

**Rajah 3.2:** Senarai 5 Domain, 19 Elemen dan 53 *Outcome*

Setiap satu daripada *outcome* yang dinyatakan akan mempunyai standard kebolehan yang mengandungi skala ordinal dengan 27 indikator standard. Setiap standard kebolehan akan mengandungi skala peringkat yang mewakili diri, keluarga dan masyarakat manakala skala tahap akan mewakili ilmu, amal dan adab serta kualiti ada, cukup dan lebih. Dalam urusan pentaksiran, standard kebolehan digunakan untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan (*growth*) pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid (Eftah Moh, 2016). Rajah 3.3 menunjukkan standard kebolehan bagi satu *outcome*.



Rajah 3.3: Standard Kebolehan

### 3.3 PRINSIP DAN REKA BENTUK PASM

PASM merupakan satu bentuk pentaksiran khusus untuk mentaksir kemampuan dan kebolehan MBK bagi membangunkan potensi berdasarkan prinsip mengesan kebolehan dalam ketidakbolehan (*tapping into ability*).

PASM merupakan pentaksiran autentik dan bersepadu, melibatkan perekodan berterusan dan sistematik menggunakan teknologi pintar serta berfokus pada pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran.

### 3.4 METODOLOGI PASM

Pentaksiran alternatif dilaksanakan secara berterusan, fleksibel dan individu oleh gabungan pelbagai pentaksir (Personel Pentaksir). MBK akan ditaksir dan dilapor mengikut kesediaan dan kemampuan sebenar mereka. Data pentaksiran alternatif boleh memberi maklumat perkembangan pembelajaran murid untuk kegunaan murid, guru dan ibu bapa. PASM juga akan dapat memberikan indikator untuk penambahbaikan PdP dan program pendidikan khas. Ia juga akan dapat memberi motivasi dan keyakinan kepada MBK bahawa mereka

berkebolehan dan berkeupayaan. Pentaksiran alternatif menjurus kepada mentaksir untuk membangunkan potensi murid dalam aspek kebolehan mereka.

PASM diintegrasikan dengan PdP dan dilaksanakan secara berterusan sehingga aktiviti pengajaran dan pentaksiran tidak dapat dilihat secara berbeza. Pentaksiran alternatif direka bentuk untuk memberikan maklumat pentaksiran yang jelas dan bermakna bagi mengukur keberkesanan pembelajaran dan penguasaan murid.




### 3.5 INSTRUMEN PASM

Instrumen PASM ialah EBAI (Environment Based Assessment Instrument) yang dibangunkan berasaskan situasi sebenar kehidupan serta persekitaran pembelajaran murid yang disediakan oleh LP untuk kegunaan Personel Pentaksiran dalam menentukan tahap kebolehan berdasarkan DSPA. EBAI boleh didefinisikan sebagai satu dokumen lengkap yang diperlukan bagi menjalankan dan seterusnya menjayakan suatu proses mendapatkan maklumat untuk membentuk makna dalam satu ekosistem yang terdiri daripada unit-unit biotik dan abiotik yang hadir bersama secara natural di mana masing-masing saling berinteraksi dalam melaksanakan fungsi tertentu. Senarai EBAI akan bertambah dari tahun ke tahun supaya dapat memberi pilihan kepada pentaksir untuk melaksanakan pentaksiran mengikut kesesuaian persekitaran masing-masing.



### 3.6 SIJIL ALTERNATIF SEKOLAH MENENGAH (SASM)

PASM dijalankan untuk memberi pengiktirafan dan pensijilan bagi MBK di peringkat sekolah menengah mengikut kesediaan dan kemampuan sebenar mereka. Sijil Alternatif Sekolah Menengah (SASM) akan memaparkan kebolehan sebenar MBK berdasarkan standard kebolehan bagi 53 *outcome* yang dinyatakan dalam DSPA. SASM boleh digunakan oleh MBK untuk menceburi bidang latihan dan kerjaya yang sesuai dengan tahap kebolehan bagi meneruskan kehidupan bermasyarakat dan berdikari.




Rajah 3.4: Sijil Alternatif Sekolah Menengah (SASM)



## PENGOPERASIAN PASM

Pengoperasian PASM adalah meliputi proses kerja yang berikut:





## 4.1 PERSONEL PASM

**Personel PASM** merupakan pegawai daripada KPM, JPN, PPD dan sekolah yang bertanggungjawab untuk mengurus, mentadbir dan melaksanakan PASM.

Personel PASM terdiri daripada tiga (3) kategori:

- i. Personel Pengurusan
- ii. Personel Pentadbiran
- iii. Personel Pentaksiran

### 4.1.1 KATEGORI PERSONEL PASM

#### 4.1.1.1 PERSONEL PENGURUSAN

**Personel Pengurusan** adalah pegawai daripada KPM, JPN, PPD dan sekolah yang bertanggungjawab untuk menguruskan pentadbiran dan pentaksiran yang berkaitan dengan PASM.

PERSONEL	SINGKATAN
PENGARAH PEPERIKSAAN, LEMBAGA PEPERIKSAAN	PENGARAH LP
PENGARAH PENDIDIKAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI	PENGARAH JPN
PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH	PPD
PENGETUA	PENGETUA

#### 4.1.1.2 PERSONEL PENTADBIRAN

**Personel Pentadbiran** merupakan guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di sekolah yang bertanggungjawab untuk menguruskan pentadbiran dan instrumen pentaksiran PASM.

PERSONEL	SINGKATAN
PENOLONG KANAN PENDIDIKAN KHAS/PENYELARAS PENDIDIKAN KHAS	PKP
SETIAUSAHA PEPERIKSAAN/SETIAUSAHA PENTAKSIRAN PENDIDIKAN KHAS	SuP
GURU PENDIDIKAN KHAS	GPK
PEMBANTU PENGURUSAN MURID	PPM

### 4.1.1.3 PERSONEL PENTAKSIRAN

**Personel Pentaksiran** adalah pegawai lantikan LP/JPN/sekolah yang bertanggungjawab untuk mentadbir dan melaksanakan pentaksiran PASM.

PERSONEL	SINGKATAN
KETUA PENTAKSIR KEBANGSAAN	KPK
KETUA PENTAKSIR NEGERI	KPN
KETUA PENTAKSIR KAWASAN	KPKw
KETUA PENTAKSIR SEKOLAH (Pengetua)	KPS
PENOLONG KANAN PENDIDIKAN KHAS/PENYELARAS PENDIDIKAN KHAS	PKP
PENTAKSIR SEKOLAH (Guru Pendidikan Khas)	PS
CALON	C
RAKAN (SEKOLAH)	R
IBU BAPA/PENJAGA	IBP
KOMUNITI	Km

## 4.1.2 TUGAS DAN PERANAN PERSONEL PASM

### 4.1.2.1 LEMBAGA PEPERIKSAAN

PERKARA	TUGAS
<b>Dokumen</b>	Menyedia dan memuat naik surat siaran, takwim, jadual kerja PASM, Modul Pembangunan Kompetensi PASM, Modul Bimbingan PASM, Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran PASM, DSPA dan EBAI di aplikasi MyPASM/portal LP.
<b>Aplikasi MyPASM</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan dan menyelenggara aplikasi MyPASM.</li> <li>ii. Menjana ID pengguna dan kata laluan untuk pusat/sekolah.</li> <li>iii. Menerima dan memproses data pendaftaran calon, personel pentadbiran dan pentaksiran.</li> <li>iv. Meluluskan pendaftaran pusat/sekolah dan calon.</li> </ul>
<b>Personel</b>	Melantik personel pentaksiran di peringkat kebangsaan (KPK).
<b>Pelaporan</b>	Mengeluarkan pelaporan akhir bagi calon PASM dalam bentuk sijil digital dan sijil fizikal.

PERKARA	TUGAS
<b>Penjaminan Kualiti</b>	i. Menubuhkan Jawatankuasa Bimbingan PASM (JB PASM) di peringkat kebangsaan bagi melaksanakan Program Bimbingan Berterusan PASM (PBB PASM). ii. Memastikan PBB PASM dilaksanakan di setiap peringkat berpandukan Modul Bimbingan PASM yang disediakan oleh LP.
<b>Kes-Kes Khas dan kes salah laku</b>	Menerima keputusan kes-kes khas dan salah laku daripada sekolah melalui JPN.

#### 4.1.2.2 JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

PERKARA	TUGAS
<b>Dokumen</b>	Menerima dan mengedarkan surat siaran, takwim, jadual kerja PASM, Modul Pembangunan Kompetensi PASM, Modul Bimbingan PASM, Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran PASM, DSPA dan EBAI yang boleh dimuat turun daripada aplikasi MyPASM/portal LP.
<b>Peningkatan Profesionalisme</b>	Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM.
<b>Aplikasi MyPASM</b>	Mengesahkan permohonan pendaftaran pusat PASM menggunakan aplikasi MyPASM.
<b>Personel</b>	Melantik dan personel pentaksiran di peringkat negeri dan daerah (KPN dan KPKw).
<b>Penjaminan Kualiti</b>	i. Menubuhkan Jawatankuasa Bimbingan PASM (JB PASM) di peringkat negeri/daerah bagi melaksanakan PBB PASM. ii. Memastikan PBB PASM dilaksanakan di peringkat negeri/daerah berpandukan Modul Bimbingan PASM yang disediakan LP.
<b>Kes-Kes Khas dan Kes Salah Laku</b>	Menerima keputusan ke-kes khas dan kes salah laku dari sekolah dan memanjangkan kepada LP.



#### 4.1.2.3 PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH

PERKARA	TUGAS
<b>Dokumen</b>	Memastikan sekolah menerima surat siaran bagi memuat turun takwim, jadual kerja PASM, Modul Pembangunan Kompetensi PASM, Modul Bimbingan PASM, Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran PASM, DSPA dan EBAI yang boleh dimuat turun dari aplikasi MyPASM/portal LP.
<b>Peningkatan Profesionalisme</b>	Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM.
<b>Aplikasi MyPASM</b>	Mengesahkan maklumat data pendaftaran pusat/sekolah PASM menggunakan aplikasi MyPASM.
<b>Penjaminan Kualiti</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menubuhkan Jawatankuasa Bimbingan PASM (JB PASM) di peringkat daerah/sekolah bagi melaksanakan Program Bimbingan Berterusan PASM (PBB PASM).</li> <li>ii. Memastikan PBB PASM dilaksanakan di peringkat daerah/sekolah berpandukan Modul Bimbingan PASM yang disediakan oleh LP.</li> </ul>

#### 4.1.2.4 PENGETUA/KETUA PENTAKSIR SEKOLAH

PERKARA	TUGAS
<b>Dokumen</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972 (Penjawat Awam).</li> <li>ii. Menerima surat siaran dari PPD untuk memuat turun takwim, jadual kerja PASM, Modul Pembangunan Kompetensi PASM, Modul Bimbingan PASM, Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran PASM, DSPA dan EBAI yang boleh dimuat turun daripada aplikasi MyPASM/portal LP.</li> <li>iii. Memastikan PKP selaku Penyelaras Pentaksir menyediakan jadual kerja PASM peringkat sekolah.</li> </ul>
<b>Pentadbiran</b>	Memastikan pelaksanaan pentaksiran PASM mengikut jadual kerja yang ditetapkan oleh sekolah.
<b>Peningkatan Profesionalisme</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM.</li> <li>ii. Memastikan Personel Pentadbiran dan Personel Pentaksiran mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM.</li> </ul>
<b>Instrumen Pentaksiran</b>	Memastikan PKP dan SuP memuat turun EBAI daripada aplikasi MyPASM/portal LP.
<b>Aplikasi MyPASM</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menghantar permohonan pendaftaran kepada JPN.</li> <li>ii. Menerima ID Pengguna dan kata laluan untuk sekolah dan menyerahkan kepada PKP.</li> </ul>

PERKARA	TUGAS
<b>Aplikasi MyPASM</b>	iii. Mengesahkan maklumat pusat/sekolah dan pendaftaran pentaksir di aplikasi MyPASM.
<b>Pelantikan Pentaksir</b>	i. Melantik personel yang terlibat dalam pentadbiran dan pentaksiran. ii. Memastikan personel yang dilantik menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972 (Penjawat Awam/Komuniti).
<b>Penjaminan Kualiti</b>	i. Menubuhkan Jawatankuasa Bimbingan PASM (JB PASM) dan melaksanakan Program Bimbingan Berterusan PASM (PBB PASM) berpandukan Modul Bimbingan PASM yang disediakan oleh LP.
<b>Pelaporan</b>	i. Memastikan sijil digital boleh dijana melalui aplikasi MyPASM untuk rujukan dan pelaporan/sijil boleh dicetak jika perlu. ii. Mengesahkan pelaporan/sijil calon dalam aplikasi MyPASM.
<b>Kes-Kes Khas Kes Salah Laku</b>	i. Membuat keputusan kes-kes khas dan kes salah laku. ii. Melaporkan keputusan kes-kes khas dan kes salah laku kepada LP melalui JPN.

#### 4.1.2.1 PENOLONG KANAN PENDIDIKAN KHAS/PENYELARAS PENDIDIKAN KHAS

PERKARA	TUGAS
<b>Dokumen</b>	i. Menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972 (Penjawat Awam). ii. Merancang dan memastikan SuP menyediakan jadual kerja PASM di peringkat sekolah berpandukan takwim dan jadual kerja PASM yang disediakan oleh LP. iii. Memastikan SuP menyerahkan jadual kerja peringkat sekolah kepada PS.
<b>Pentadbiran</b>	i. Mengurus dan menyelaras pengoperasian dan pentaksiran PASM di peringkat sekolah. ii. Menyedia/menyelaras jadual pembahagian tugas EBAI kepada PS dan calon. iii. Memastikan ruang/lokasi/tempat pentaksiran sesuai dan kondusif untuk pelaksanaan EBAI.
<b>Peningkatan Profesionalisme</b>	i. Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM. ii. Memastikan PS dan calon mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM.
<b>Instrumen Pentaksiran (EBAI)</b>	i. Memastikan SuP memuat turun EBAI daripada aplikasi MyPASM/portal LP. ii. Memastikan ruang/lokasi/tempat pentaksiran sesuai dan kondusif untuk pelaksanaan EBAI.

PERKARA	TUGAS
<b>Instrumen Pentaksiran (EBAI)</b>	iii. Merancang dan menetapkan EBAI yang sesuai untuk dilaksanakan mengikut PdP/PdPc/PdPR.
<b>Aplikasi MyPASM</b>	i. Menguruskan aplikasi MyPASM di sekolah/pusat PASM. ii. Menerima ID pengguna dan kata laluan untuk pusat dan menyerahkan kepada SuP PK. iii. Menguruskan pendaftaran pusat, calon dan PS dalam aplikasi MyPASM.
<b>Penjaminan Kualiti</b>	i. Melaksanakan Program Bimbingan Berterusan PASM (PBB PASM) berpandukan Modul Bimbingan PASM yang disediakan LP.
<b>Perekodan dan Pelaporan</b>	i. Memastikan standard kebolehan calon direkod di aplikasi MyPASM. ii. Memastikan sijil digital boleh dijana melalui aplikasi MyPASM untuk rujukan, dicetak jika perlu dan sedia diakses oleh calon, ibubapa/penjaga dan komuniti. iii. Menguruskan penyerahan pelaporan akhir dalam bentuk sijil fizikal kepada calon. iv. Memastikan semua bahan dan aktiviti Pentaksiran PASM didokumentasikan.
<b>Kes-Kes Khas dan Kes Salah Laku</b>	i. Melaporkan kes-kes khas dan kes salah laku kepada Pengetua. ii. Mengurus tadbir kes-kes khas dan kes salah laku.

#### 4.1.2.2 SETIAUSAHA PEPERIKSAAN/SETIAUSAHA PENTAKSIRAN PENDIDIKAN KHAS

PERKARA	TUGAS
<b>Dokumen</b>	i. Menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972 (Penjawat Awam). ii. Menyediakan jadual kerja PASM di peringkat sekolah berpandukan takwim dan jadual kerja PASM yang disediakan oleh LP dan menyerahkan kepada PS.
<b>Pentadbiran</b>	i. Menerima taklimat pengoperasian dan pengendalian aplikasi MyPASM daripada JPN/PPD. ii. Menyediakan ruang/lokasi/tempat pentaksiran yang sesuai dan kondusif untuk pelaksanaan EBAI.
<b>Peningkatan Profesionalisme</b>	Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM.
<b>Instrumen Pentaksiran (EBAI)</b>	i. Memuat turun EBAI.

PERKARA	TUGAS
<b>Aplikasi MyPASM</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima ID Pengguna dan kata laluan pengguna dari PKP.</li> <li>ii. Mendaftar pusat/sekolah, pentaksir dan calon dengan pengawasan PKP.</li> </ul>
<b>Penjaminan Kualiti</b>	Menyelaras Program Bimbingan Berterusan PASM (PBB PASM).
<b>Kes-Kes Khas dan Kes Salah Laku</b>	Melapor kepada PKP dan menguruskan kes-kes khas dan kes salah laku.

#### 4.1.2.3 PENTAKSIR SEKOLAH

PERKARA	TUGAS
<b>Dokumen</b>	Menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972 (Penjawat Awam).
<b>Pentadbiran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima taklimat pengoperasian, penjaminan kualiti dan pengendalian aplikasi MyPASM.</li> <li>ii. Melaksanakan pentaksiran PASM berdasarkan prinsip, konsep reka bentuk dan metodologi yang telah ditetapkan oleh LP.</li> <li>iii. Menyediakan senarai nama dan menyusun calon sebelum menjalankan EBAI.</li> </ul>
<b>Peningkatan Profesionalisme</b>	Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM.
<b>Instrumen Pentaksiran (EBAI)</b>	Menggunakan EBAI mengikut jadual kerja yang telah diselaraskan.
<b>Aplikasi MyPASM</b>	Menerima ID Pengguna dan kata laluan sebagai PS.
<b>Perekodan dan Pelaporan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merekod standard kebolehan calon berdasarkan tahap, peringkat dan kualiti secara dalam talian berpandukan arahan pada paparan aplikasi MyPASM.</li> <li>ii. Mengakses pelaporan PASM dalam bentuk sijil digital melalui aplikasi MyPASM untuk membuat semakan/verifikasi.</li> <li>iii. Mendokumentasikan semua bahan dan aktiviti PASM.</li> </ul>
<b>Penjaminan Kualiti</b>	Melaksanakan Program Bimbingan Berterusan PASM (PBB PASM)
<b>Kes-Kes Khas dan Kes Salah Laku</b>	Melaporkan kes-kes khas dan kes salah laku kepada PKP melalui SuP.

**4.1.2.4 CALON/RAKAN/IBUBAPA/PENJAGA/KOMUNITI**

<b>PERKARA</b>	<b>TUGAS</b>
<b>Dokumen</b>	Menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972 (Komuniti).
<b>Pentadbiran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima taklimat pengoperasian, penjaminan kualiti dan pengendalian aplikasi MyPASM.</li> <li>ii. Menggunakan EBAI untuk PASM.</li> </ul>
<b>Peningkatan Profesionalisme</b>	Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM.
<b>Aplikasi MyPASM</b>	Menerima ID Pengguna dan kata laluan untuk log masuk ke aplikasi MyPASM sebagai calon/rakan/ibu bapa/penjaga/komuniti.
<b>Perekodan dan Pelaporan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merekod standard kebolehan calon berdasarkan tahap, peringkat dan kualiti secara dalam talian berpandukan arahan pada paparan aplikasi MyPASM.</li> <li>ii. Mengakses pelaporan PASM dalam bentuk sijil digital melalui aplikasi MyPASM.</li> </ul>
<b>Penjaminan Kualiti</b>	Melaksanakan PBB PASM.
<b>Kes-Kes Khas dan Kes Salah Laku</b>	Melaporkan kes-kes khas dan kes salah laku kepada PKP melalui SuP.

**4.1.2.5 PEMBANTU PENGURUSAN MURID PENDIDIKAN KHAS**

<b>PERKARA</b>	<b>TUGAS</b>
<b>Dokumen</b>	Menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972 (Penjawat Awam).
<b>Pentadbiran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima taklimat pengoperasian, penjaminan kualiti dan pengendalian aplikasi MyPASM.</li> <li>ii. Membantu Personel Pentadbiran dan Personel Pentaksiran menguruskan calon PASM.</li> </ul>
<b>Peningkatan Profesionalisme</b>	Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM.

#### 4.1.3.1 KRITERIA PELANTIKAN

Personel Pentaksiran yang berkualiti perlu mempunyai pengetahuan khusus dalam konsep PASM, ilmu pentaksiran autentik dan standard kebolehan serta berintegriti dalam menyempurnakan tugas dan tanggungjawab sebagai personel pentaksiran.

#### 4.1.3.2 PERSONEL, SYARAT LANTIKAN DAN LANTIKAN PERSONEL PENTAKSIRAN

PERSONEL	SYARAT LANTIKAN		LANTIKAN
<b>Ketua Pentaksir Kebangsaan (KPK)</b>	<b>Syarat perkhidmatan</b>	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru) KPM yang bertauliah;	Lembaga Peperiksaan
		Mempunyai pengalaman mengajar MBK;	
		Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib;	
		Telah didaftarkan dalam aplikasi MyPASM;	
		Menerima maklumat dan memahami komponen Penjaminan Kualiti dan cara pelaksanaan;	
		Menerima maklumat dan memahami Jadual Waktu, Jadual kerja dan Garis Panduan dan Pengurusan PASM yang disediakan oleh LP;	
		Berintegriti dan mempunyai ciri kepimpinan yang baik; dan	
		Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM dan Modul Bimbingan Berterusan PASM.	

PERSONEL	SYARAT LANTIKAN		LANTIKAN
<b>Ketua Pentaksir Negeri (KPN)</b>	<b>Syarat perkhidmatan</b>	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru) KPM yang bertauliah;	Jabatan Pendidikan Negeri
		Mempunyai pengalaman mengajar MBK;	
		Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib;	
		Telah didaftarkan dalam aplikasi MyPASM;	
		Menerima maklumat dan memahami komponen Penjaminan Kualiti dan cara pelaksanaan;	
		Menerima maklumat dan memahami Jadual Waktu, Jadual kerja dan Garis Panduan dan Pengurusan PASM yang disediakan oleh LP;	
		Berintegriti dan mempunyai ciri kepimpinan yang baik; dan	
		Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM dan Modul Bimbingan Berterusan PASM.	
<b>Ketua Pentaksir Kawasan (KPKw)</b>	<b>Syarat perkhidmatan</b>	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru) KPM yang telah disahkan dalam jawatan;	Jabatan Pendidikan Negeri
		Mempunyai pengalaman mengajar MBK;	
		Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib;	
		Telah didaftarkan dalam aplikasi MyPASM;	
		Menerima maklumat dan memahami komponen Penjaminan Kualiti Pentaksiran dan cara pelaksanaan;	
		Menerima maklumat dan memahami Jadual Waktu, Jadual kerja dan Garis Panduan dan Pengurusan PASM yang disediakan oleh LP;	
		Berintegriti dan mempunyai ciri kepimpinan yang baik; dan	
		Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM dan Modul Bimbingan Berterusan PASM.	

KATEGORI PENTAKSIR	PERSONEL	SYARAT LANTIKAN	LANTIKAN
<b>Ketua Pentaksir Sekolah</b>	Pengetua	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru) KPM;	Lantikan mengikut perjawatan
		Terlibat dalam pengurusan MBK;	
		Telah didaftarkan dalam aplikasi MyPASM;	
		Menerima maklumat dan memahami komponen Penjaminan Kualiti Pentaksiran PASM dan cara pelaksanaan;	
		Menerima maklumat dan memahami Jadual Waktu, Jadual kerja dan Garis Panduan dan Pengurusan PASM yang disediakan oleh LP; dan	
		Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM dan Modul Bimbingan Berterusan PASM.	
<b>Penyelaras Pentaksir</b>	Penolong Kanan Pentadbiran/ Guru Kanan Pendidikan Khas/ Penyelaras Pendidikan Khas	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru) KPM;	Lantikan mengikut Perjawatan
		Mengajar MBK;	
		Telah didaftarkan dalam aplikasi MyPASM;	
		Terlibat dalam pengurusan MBK;	
		Menerima maklumat dan memahami komponen Penjaminan Kualiti Pentaksiran PASM dan cara pelaksanaan;	
		Menerima maklumat dan memahami Jadual Waktu, Jadual kerja dan Garis Panduan dan Pengurusan PASM yang disediakan oleh LP; dan	
		Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM dan Modul Bimbingan Berterusan PASM.	



KATEGORI PENTAKSIR	PERSONEL	SYARAT LANTIKAN	LANTIKAN
<b>Pentaksir Sekolah</b>	Guru yang mengajar MBK	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru) KPM;	Pengetua
		Telah didaftarkan dalam aplikasi MyPASM;	
		Mengajar MBK;	
		Terlibat dalam pengurusan murid PPKI;	
		Menerima maklumat dan memahami komponen Penjaminan Kualiti Pentaksiran PASM dan cara pelaksanaan;	
		Menerima maklumat dan memahami Jadual Waktu, Jadual kerja dan Garis Panduan dan Pengurusan PASM yang disediakan oleh LP; dan	
		Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM dan Modul Bimbingan Berterusan PASM.	
<b>Calon</b>	Calon PASM yang berdaftar.	Telah didaftarkan dalam aplikasi MyPASM;	Pengetua
		Menduduki pentaksiran menggunakan EBAI yang ditetapkan; dan	
<b>Rakan (sekolah)</b>	Calon PASM yang berdaftar.	Telah didaftarkan dalam aplikasi MyPASM;	Pengetua
		Mentaksir menggunakan EBAI yang ditetapkan; dan	
<b>Ibu bapa/Penjaga</b>	Ibu bapa/penjaga calon PASM	Telah didaftarkan dalam aplikasi MyPASM;	Pengetua
		Mentaksir menggunakan EBAI yang ditetapkan; dan	
		Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM dan Modul Bimbingan Berterusan PASM.	

KATEGORI PENTAKSIR	PERSONEL	SYARAT LANTIKAN	LANTIKAN
<b>Komuniti</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Warga sekolah atau</li> <li>Ahli masyarakat setempat atau</li> <li>Individu yang berinteraksi dengan calon semasa pentaksiran menggunakan EBAI dijalankan.</li> </ul>	Telah didaftarkan dalam aplikasi MyPASM;	Pengetua
		Mentaksir menggunakan EBAI yang ditetapkan; dan	
		Mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi PASM dan Modul Bimbingan Berterusan PASM.	

#### 4.1.4 JAWATANKUASA PELANTIKAN PENTAKSIR PASM

##### 4.6.2.1 PERINGKAT SEKOLAH


FUNGSI		PERSONEL
i.	Pengerusi	Pengetua
ii.	Urus setia	PKP
iii.	Urus setia	SuP
iv.	Ahli	Pentaksir Sekolah
v.	Ahli	Wakil Ibu Bapa/Penjaga
vi.	Ahli	Wakil Komuniti

#### 4.1.5 PROSES PELANTIKAN PERSONEL PENTAKSIR PASM

##### 4.1.5.1 PENTAKSIR SEKOLAH/CALON/RAKAN/IBU BAPA/PENJAGA/KOMUNITI

- i. Jawatankuasa Pelantikan Pentaksir membuat pencalonan pentaksir mengikut projek EBAI.
- ii. Justifikasi pelantikan calon dibentangkan.
- iii. Jawatankuasa membuat keputusan pemilihan pentaksir.
- iv. Pengerusi melantik pentaksir berdasarkan keputusan mesyuarat.
- v. Pendaftaran pentaksir dibuat mengikut SOP yang telah ditetapkan.
- vi. Surat pelantikan dijana daripada sistem.
- vii. Pentaksir menerima surat lantikan.

**CARTA ALIR PELANTIKAN PENTAKSIR PASM PENTAKSIR SEKOLAH/CALON/RAKAN/IBU BAPA/PENJAGA/KOMUNITI (PS/C/R/IBP/Km)**




1. Jawatankuasa Pelantikan Pentaksir membuat pencalonan pentaksir mengikut projek EBAI.
2. Justifikasi pelantikan pentaksir dibentangkan.
3. Jawatankuasa membuat keputusan pemilihan pentaksir.
4. Pengerusi melantik pentaksir berdasarkan keputusan mesyuarat.
5. Surat pelantikan dijana daripada aplikasi MyPASM.
6. Pentaksir menerima surat lantikan/cetakan surat lantikan.

**Rajah 4.1:** Carta Alir Pelantikan Pentaksir Sekolah/Calon/ Ibu Bapa/Penjaga/Komuniti (PS/C/IBP/Km)

**4.1.5.2 PROSES PELANTIKAN PERSONEL PENTAKSIR KPK/KPN/KPKw**

PROSES		TINDAKAN
i.	Menerima dan menyemak Borang Penilaian Prestasi Pentaksir (PMP/GLP) yang diterima daripada KPK/KPN/KPKw.	Pegawai LP/Pegawai JPN/ Pegawai PPD/KPK/KPN/ KPKw
ii.	Membuat senarai pelantikan KPK/KPN/KPKw.	Pegawai LP/Pegawai JPN/Pegawai PPD
iii.	Membentangkan data dan justifikasi KPK/KPN/KPKw yang direhatkan serta lantikan baharu dalam Mesyuarat Pelantikan Pentaksir peringkat LP/JPN/PPD.	Pegawai LP/Pegawai JPN/Pegawai PPD
iv.	Menyediakan dan menghantar surat pelantikan kepada KPK/KPN/KPKw.	Pegawai Meja LP/JPN

**CARTA ALIR PELANTIKAN SEMULA KPK/KPN/KPKw**



**Rajah 4.2:** Carta Alir Pelantikan Semula KPK/KPN/KPKw/PKw



## 4.2 APLIKASI MyPASM

### 4.2.1 LATAR BELAKANG

LP membangunkan MyPASM sebagai aplikasi yang akan digunakan dalam pengurusan PASM. Aplikasi ini akan diguna sepenuhnya bermula pendaftaran calon sehingga kepada penjana sijil digital pentaksiran.

### 4.2.2 SKOP SISTEM

Pusat/Sekolah yang terlibat dalam pengurusan PASM hendaklah memastikan pentaksiran melalui aplikasi MyPASM dilaksanakan secara menyeluruh. Pengurusan pentaksiran ini termasuk pendaftaran pusat pentaksiran, pelantikan pentaksir, pendaftaran calon, pentaksiran, penjana sijil digital dan laporan serta analisis serta mana-mana proses kerja yang telah ditetapkan oleh LP. Skop penggunaan aplikasi merangkumi perkara berikut:

- i. Pengguna aplikasi ini adalah didaftarkan dan disahkan berdasarkan peraturan dan dasar yang ditetapkan oleh LP;
- ii. Pentaksiran dilaksanakan mengikut tatacara, standard dan proses kerja yang ditetapkan oleh LP; dan
- iii. Maklumat, laporan dan janaan sijil digital adalah tertakluk kepada peraturan keselamatan dan akta berkaitan.

### 4.2.3 KEPERLUAN PENGGUNAAN APLIKASI MyPASM

Pusat/Sekolah hendaklah memastikan keperluan di bawah dipenuhi dan dipatuhi dalam menggunakan aplikasi MyPASM bagi mengelakkan sebarang permasalahan semasa menguruskan pentaksiran serta bagi mengatasi berlakunya ralat. Perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti yang berikut:

#### 4.2.3.1 CAPAIAN KEPADA APLIKASI MyPASM

- i. ID Pengguna dan Kata Laluan:
